

Sambutan Bulan Kebangsaan



Anwar bersama Amirudin dan Fahmi pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 di Cyberjaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Kibar Jalur Gemilang tanda jiwa merdeka

PM arah seluruh rakyat hargai perjuangan hebatkan Malaysia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua pihak, termasuk sektor awam dan swasta mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing sepanjang tempoh sambutan Bulan Kebangsaan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sebagai tanda taat setia, pengorbanan dan mendukung semangat kemerdekaan yang diperolehi tanah air 67 tahun lalu.

"Mulai hari ini, komuniti MADANI, setiap jabatan, setiap rakyat, setiap kedai dan warung, kaya miskin, kota dan desa, kita hendak memastikan tunjukkan bahawa kamu bersama 'Jiwa Merdeka', hebatkan Malaysia.

"Saya percaya kita bagi mesej yang jelas. Apa yang sukarnya? Orang dulu korban segalanya, ibu di kampung keluarkan rantai dan perhiasan mereka jadi tabung untuk perjuangan (memerdekakan negara)," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini semalam, yang turut dihadiri Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Anwar menekankan, sambutan Hari Kebangsaan kali ini bertema 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka' harus dijadikan sebagai tahun mempamerkan kemegahan rakyat dan negara.

Malah, beliau berkata, sambutan tahun ini juga akan menjadi petanda baharu untuk berkongsi matlamat sama, iaitu mengangkat Malaysia sebagai negara gemilang.

"Dulu bagi cincin untuk perjuangan, sekarang kita tidak sanggup. Kena ingat supaya jangan ada keterlanjuran, kita tidak minta cincin, tidak minta jam, yang saya minta ialah kibarkan Jalur Gemilang.

"Kalau orang yang enggan, kirim salam kepada mereka. Ini bukan isu kaum, bukan isu parti, bukan isu kedudukan atau pekerjaan. Ini soal jati diri, maruah, harga diri, ini satu negara bila merdeka, kibaran bendera itu (harus) meluas di seluruh negara," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, pada peringkat sektor awam, termasuk jabatan dan agensi, Ketua Setiausaha Negara akan memantau untuk memastikan setiap premis kerajaan mengibarkan Jalur Gemilang.

"Mengenai sektor swasta, sumbangan mereka besar, tidak boleh diperkecilkan, tetapi kadang-kadang mereka menganggap hal ini agak remeh. Saya nak beritahu mereka, kalau negeri ini tak aman, niaga dia tak untung.

"Kalau tak ada pengorbanan polis dan tentera di perbatasan, tak ada pelaburan baharu? Jadi tunjuk sokongan dan dukungan kamu," katanya memaklumkan mesej supaya Jalur Gemilang dikibar sepanjang Bulan Kebangsaan akan disiar berulang kali melalui televisyen dan media sosial.

Hayati erti kemerdekaan

Perdana Menteri turut mengingatkan anak muda supaya mengerti makna sebenar kemerdekaan yang dicapai dan dibayar dengan darah, air mata, keringat serta pengorbanan.

"Setiap generasi tidak dituntut sebegitu. Sekarang tidak dituntut pengorbanan dengan darah, kita tugaskan kepada pasukan keselamatan, jauh di perbatasan, di lautan, di belantara, di hutan tetapi tidak menyinggung kedudukan kita di kota, desa dan pedalaman.

"Sebab itu, Malaysia MADANI ini adalah untuk mengisi kemerdekaan. Apa erti kemerdekaan kalau jenis pimpinan yang kita pilih itu sama dengan penjajah, guna kuasa merompak kekayaan negara, diambil untuk mereka atau untuk negara mereka," katanya.

Muktamad langkah bersama ICJ

Cyberjaya: Malaysia akan membuat keputusan muktamad berhubung langkah selanjutnya selepas Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan pendudukan Israel di Palestin melanggar undang-undang antarabangsa.

Menegaskan Malaysia mendukung keputusan itu yang berdasarkan fakta jelas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkembangan berkenaan akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu ini.

"Kita akan membuat keputusan muktamad mengenai langkah untuk bersama-sama ICJ, mengancam dan bertindak ke atas Israel," katanya di sini, semalam.